

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan perkembangan Pelan Kenderaan Elektrik yang sepatutnya siap dalam tempoh suku pertama tahun 2021 dan perincian manfaat realistik pelan ini kepada alam sekitar dan pengguna.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) bersama Kementerian Pengangkutan telah memuktamadkan Memorandum Jemaah Menteri Mengenai Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon (*Low Carbon Mobility Blueprint – LCMB*). Dokumen ini dirangka selaras dengan Dasar Pengangkutan Negara dan Dasar Automotif Negara (NAP 2020). Secara umumnya, pelan tersebut menggariskan fokus dan strategi bagi penjimatan tenaga dan pengurangan pelepasan gas rumah kaca (*greenhouse gases – GHG*) untuk sektor pengangkutan darat.

2. Salah satu bidang fokus yang diketengahkan di dalam LCMB di bawah mobiliti rendah karbon ialah penggunaan kenderaan elektrik (*Electric Vehicles – EV*) pengangkutan darat merangkumi kereta, bas dan motorsikal elektrik. Strategi dan inisiatif bersesuaian bagi menggalakkan penggunaan EV telah dikenal pasti untuk dilaksanakan secara bersama dengan Kementerian-Kementerian yang terlibat. Tumpuan untuk meningkatkan penggunaan EV akan membuka peluang pelaburan baharu dan mewujudkan pekerjaan berkemahiran tinggi dalam bidang teknologi hijau.

3. Berdasarkan model yang digunakan di bawah LCMB untuk sektor pengangkutan darat, terdapat unjuran pengurangan pelepasan GHG sebanyak 165 juta tan karbon dioksida setara bagi tempoh pelaksanaan LCMB selama 10 tahun. Di samping itu, potensi pengurangan penggunaan tenaga diunjurkan sebanyak 51,000 ktoe dengan anggaran penjimatan perbelanjaan bahan api sebanyak RM150 bilion untuk tempoh tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED
NOH
[LEDANG]**

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan memperincikan data Bantuan Warga Emas berjumlah RM559 juta seperti yang dilaporkan di akhbar dari aspek lokaliti penerima khususnya bagi kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik terkini Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), jumlah penerima Bantuan Warga Emas (BWE) sehingga Oktober 2021 adalah sebanyak **137,793 penerima** dengan jumlah peruntukan yang telah disalurkan sehingga Oktober 2021 adalah sebanyak **RM698.9 juta**. JKM hanya mempunyai statistik penerima Bantuan Warga Emas mengikut pecahan negeri seperti jadual di bawah.

**Statistik Penerima Bantuan Warga Emas Mengikut Negeri Bagi
Tahun 2021(Januari hingga Oktober 2021)**

BIL	NEGERI	BWE	
		BIL KES	RM
1	PERLIS	1,334	6,671,000
2	KEDAH	6,926	34,736,021
3	PULAU PINANG	6,115	30,217,000
4	PERAK	9,980	56,544,541
5	SELANGOR	10,270	51,729,502
6	MELAKA	7,108	36,535,874
7	N.SEMBILAN	8,848	44,611,034
8	JOHOR	14,216	70,613,631
9	KELANTAN	9,078	45,742,491
10	TERENGGANU	3,905	19,954,982
11	PAHANG	8,934	46,010,183
12	SABAH	28,667	142,508,191
13	SARAWAK	19,271	96,819,998
14	WP K.LUMPUR	2,907	15,085,000
15	WP LABUAN	234	1,178,065
JUMLAH KESELURUHAN		137,793	698,957,510

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat

Sekian, terima kasih.